

BAB 4 : PEMIMPIN POLITIK DAN PENTADBIRAN

Dengan kemenangan dalam pilihanraya 1969, LCE dilantik secara rasmi sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang dalam satu upacara yang amat ringkas di kediaman Gabenor Pulau Pinang iaitu Tun Syed Sheh Barakbah^{*} pada 12 Mei 1969.¹ Sebagai pemimpin politik dan pentadbir Pulau Pinang, beliau telah banyak membuat tindakan-tindakan dan perubahan-perubahan penting yang mencerminkan hala tuju Kerajaan Negeri pada masa akan datang. Antaranya ialah menyusun semula sistem pentadbiran negeri, membuat kerajaan campuran dan menjadi salah seorang pengasas Barisan Nasional (BN) di samping jalan hubungan kerjasama antarabangsa yang diperlukan. Pada tahun 1974, LCE memimpin GERAKAN bertanding dalam Pilihanraya Umum 1974 di bawah naungan BN.

Sistem Pentadbiran

Dari segi pentadbiran di peringkat negeri, LCE telah memperkenalkan satu jawatan baru iaitu Timbalan Ketua Menteri. Ini dilaksanakan tanpa membuat pindaan terhadap Perlembagaan Negeri. Bagi LCE, perlantikan ini adalah perlu kerana apabila beliau menghadiri persidangan Parlimen, maka tugasannya akan dikendalikan oleh

* Beliau dilahirkan pada 10 November 1906 dan dilantik menjadi Gabenor pada 5 Februari 1969. Tempatnya digantikan oleh Tun Datuk Haji Sardon bin Jubir sebagai Yang di-Pertua Negeri pada 5 Februari 1975.

¹ Bagi LCE, kemenangan GERAKAN dalam pilihanraya 1969 tidak perlu disambut dengan meriah kerana ia hanya membazirkan wang ringgit sahaja. Beliau mencadangkan wang tersebut digunakan untuk tujuan membina Universiti Merdeka. *China Press*, 14/5/69, SP45/3223, Vol.1, No.52. Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara rasmi diambil alih oleh GERAKAN pada 12 Mei 1969 dari Perikatan. Upacara ini dijalankan selama lapan minit di balai penghadapan kediaman Gabenor. Beliau mengangkat sumpah dan berikrar di hadapan Gabenor, Tun Syed Sheh Barakbah. Dalam upacara ini, LCE berpakaian hitam dengan tali leher sekolahnya iaitu *Penang Free School*. Gabenor kemudian meraikan LCE dan anggota-anggota Dewan Negeri yang baru dengan satu jamuan teh. *Berita Harian*, 13/5/69.

timbalannya.² Ini kerana semasa Pulau Pinang di bawah pimpinan Parti Perikatan, Kerajaan Negeri menghadapi masalah tidak ada orang yang memerintah negeri terbabit apabila bekas Ketua Menteri, Wong Pow Nee mengambil cuti.³ Oleh itu, tujuan LCE mengadakan perlantikan tersebut adalah untuk mengelakkan masalah yang serupa berulang.⁴

Namun, perlantikan ini telah dicabar oleh Yeap Ghim Guan (DAP – Kelawei) yang mendesak LCE menarik balik perlantikan ini. Alasannya ialah di bawah Perlembagaan Negeri, tidak ada dicatat tentang jawatan tersebut. Selain itu, LCE turut didakwa menyalahgunakan kuasa kerana di bawah seksyen 9. Delegation of Power 1956 Ordinance, tidak memperuntukan kuasa kepada Ketua Menteri untuk mencipta jawatan baru.⁵ Bagaimanapun, LCE tetap dengan pendiriannya dan melantik Encik Mustapha Hussain (Ahli Majlis Mesyuarat Negeri dari Tasik Glugor) sebagai Timbalan Ketua Menteri. Perlantikan Encik Mustapha kerana beliau juga merupakan seorang ahli Parlimen.⁶ Selain itu, LCE berpendapat, apabila Encik Mustapha menghadiri persidangan Parlimen, beliau dapat terus memerintah di Pulau Pinang dan begitu juga keadaan sebaliknya. Menurut LCE :

*He will function as Chief Minister during my absence, and exercise other duties which I may delegates to him.*⁷

² *Sin Chew Jit Poh*, 19/5/69, SP45/3225, Vol.1, No.52.

³ *Kin Kwok Daily News*, 20/5/69, SP45/3225, Vol.1, No.52.

⁴ *Sin Chew Jit Poh*, 19/5/69, SP45/3225, Vol.1, No.52.

⁵ *Straits Times*, 14/1/70, SP45/3228, Vol.4, No.52.

⁶ *Straits Times*, 17/1/70, SP45/3228, Vol.4, No.52. Encik Mustapha telah meletak jawatan pada 1/1/71 sebagai Timbalan Ketua Menteri dengan alasan ingin menggunakan lebih banyak masa untuk tugasnya sebagai peguam, serta mempunyai lebih masa untuk kerja-kerja di Parlimen. Tempatnya telah digantikan oleh Encik Harun bin Sirat. *Sin Chew Jit Poh*, 30/12/70, SP45/3230, Vol.6, No.52.

⁷ *Straits Times*, 6/9/69, SP45/3226, Vol.2, No.52.

Selain itu, LCE juga telah memperkenalkan satu sistem 'Kabinet Mini' dalam sistem pentadbiran negeri. Di bawah sistem ini, tujuh orang ahli Majlis Eksekutif Negeri kecuali Ketua Menteri yang akan mengordinasikan perjalanan setiap porfolio akan diberi tugas khas. Ini bertujuan untuk memastikan sistem pentadbiran yang lebih cekap dan memberi peluang kepada ahli EXCO mengkhusus dalam bidang tertentu. Pengagihan tugas-tugas tersebut adalah seperti berikut:-

1. Ooh Chooi Cheng (Timbalan Ketua Menteri) menjadi EXCO Pengurusi Kerajaan Tempatan dan Kerja Raya.
2. Teh Ewe Lim (Kebajikan dan Pengurusan Penternakan)
3. Tan Ghim Hwa (Belia dan Alam Sekitar)
4. Wong Choong Wah (Perhubungan Awam dan Kawalan Harga)
5. S.P. Cheillah (Buruh dan Pengangkutan)
6. Ismail Hashim (Pengurusan Perumahan Awam)
7. Haji Ahmad bin Abdullah (Peparitan , Pengairan, Keagamaan)⁸

Sistem 'Kabinet Mini' ini berkuatkuasa sepenuhnya pada 25 Julai 1973. Ini kerana Pulau Pinang yang sedang berkembang maju ini memerlukan kepakaran tertentu untuk menguruskannya.⁹ Walaupun Pulau Pinang bukan merupakan negeri pertama melaksanakan sistem 'Kabinet Mini', ini kerana Johor, Sabah dan Sarawak telah menjalankan sistem pentadbiran seumpama ini, namun, sekiranya negeri ini tidak mempunyai sistem pentadbiran yang menyeluruh dan teratur sudah pasti ia akan menjadi penghalang besar kepada pembangunan Pulau Pinang. Tetapi, sayang sekali dalam

⁸ *The Star*, 26/7/73, SP45/3239, Vol 15, No 52.

⁹ *Straits Times*, 26/7/73, SP45/3239, Vol 15, No 52.

'Kabinet Mini' ini, tidak ada ahli Exco yang bertanggungjawab dalam soal tanah¹⁰ mermandangkan Pulau Pinang mempunyai tanah terhad.

Dalam pada itu, LCE juga telah memperkenalkan trend 'tidak bertali leher' dalam perkhidmatan awam Pulau Pinang.¹¹ Walaupun LCE seorang Ketua Menteri, tetapi beliau jarang memakai tali leher dan berpakaian 'kot'. Beliau lebih suka berpakaian biasa dalam menjalankan tugas untuk menampilkkan imej rakyat biasa kerana ia dilihat lebih menyenangkan dan lebih cekap dalam pentadbiran. Bagi LCE, mutu dan kualiti kerja adalah penting daripada berpakaian mewah. Berpakaian formal hanya perlu apabila menghadiri upacara-upacara rasmi seperti menemui Gabenor Pulau Pinang sebagai tanda hormat.¹² Ini menunjukkan beliau seorang yang profesional.

Selain daripada itu, LCE selalu mengambil berat mengenai masalah yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang. Ini dapat dilihat apabila beliau selalu menyeru penduduk negeri ini supaya mengemukakan masalah mereka kepada pihak kerajaan atau terus kepadanya. Pada tahun 1969, hampir 10000 orang datang ke bangunan Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya untuk membuat aduan atau mendapatkan bantuan. Ini menunjukkan bahawa penduduk negeri ini memberi keyakinan dan menaruh harapan tinggi pada kerajaan baru ini. Gejala seperti ini tidak pernah berlaku sebelum ini.¹³ Malahan terdapat banyak surat aduan dan surat cadangan dikirimkan kepada LCE, malangnya kebanyakan surat tersebut tidak bersertakan nama dan alamat menyebabkan

¹⁰ *Kwong Wah Jih Poh*, 31/7/73, SP45/3239, Vol.15, No.52.

¹¹ *Straits Times*, 18/5/69, SP45/3226, Vol.2, No.52.

¹² *China Press*, 14/5/69, SP45/3226, Vol.2, No.52.

¹³ *Sin Chew Jit Poh*, 12/10/69, SP45/3227, Vol.3, No.52.

surat-surat berkenaan tidak dapat dilayan walaupun terdapat pendapat-pendapat yang bernas.¹⁴

Selain itu, LCE juga sentiasa bersedia menerima kritikan kerana baginya, sebuah kerajaan yang tidak terima kritikan adalah sukar untuk terus hidup.¹⁵ Oleh itu, beliau mengalu-alukan kritikan yang jujur. Beliau juga mengingatkan sesiapa yang ingin membuat aduan mengenai ketidakcekapan dan kebiadapan jabatan kerajaan Pulau Pinang bolehlah mengemukakan kepadanya.¹⁶ Apa yang diusahakan oleh LCE adalah cuba melahirkan kerjasama yang erat antara kerajaan dan rakyat untuk menjamin kejayaan Pulau Pinang pada masa depan. Pegawai kerajaan telah diseru supaya sentiasa bersedia berkhidmat pada masyarakat kerana adalah tidak mencukupi untuk berdedikasi, taat pada jabatan masing-masing, sebaliknya semua yang dilakukan itu mestilah mengutamakan kepentingan masyarakat.¹⁷ Di samping itu, LCE turut meminta pegawai kerajaan supaya tidak menimbul kemarahan rakyat semasa bertugas sebaliknya perlu berusaha sedaya upaya untuk mengatas masalah yang dihadapi oleh rakyat dan memberi perkhidmatan terbaik misalnya prosedur yang perlu diikuti semasa menjalankan urusan kerajaan. Bagi LCE, sebagai pegawai kerajaan, mereka perlulah menjelaskan prosedur tersebut dan membantu mereka.¹⁸

Dalam pada itu, LCE berpendapat GERAKAN mesti selalu rapat dengan rakyat supaya dapat menjaga kepentingan mereka. Oleh itu, sejak GERAKAN memerintah Pulau Pinang, pendapat rakyat telah dijadikan panduan untuk tindakan politik bagi

¹⁴ *Sin Chew Jit Poh*, 13/2/71, *Malay Mail*, 13/2/71, SP45/3231, Vol.7, No 52.

¹⁵ *Malayan Thung Pao*, 16/3/72, SP45/3234, Vol.10, No.52.

¹⁶ *Kwong Wah Jih Poh*, 28/2/71, *Straits Echo*, 1/3/71, SP45/3231, Vol.7, No 52.

¹⁷ *Straits Echo*, 9/3/71, SP45/3232, Vol.8, No.52

¹⁸ *Sing Pin Jit Poh*, 12/7/73, SP45/3239, Vol.15, No.52.

menjaga kebajikan rakyat. Ini kerana menurut LCE, sokongan rakyat penting untuk GERAKAN :

*In order to gain the confidence and trust of the people, you must go and meet them. Talk to them, explain to them your plans.*¹⁹

Namun, satu corak pentadbiran yang paling penting diperkenalkan oleh LCE adalah Pulau Pinang merupakan negeri yang pertama sekali di negara ini yang melaksanakan penyusunan semula Pihak berkuasa Tempatannya. Penyusunan semula tersebut telah dilaksanakan dalam dua bentuk utama. Di Seberang Perai, penyatuan merupakan pergabungan oleh tiga buah majlis daerah. di Pulau Pinang, penyusunan semula telah melibatkan pencantuman yang lebih sopistikated antara Majlis Bandaraya dengan sebuah Majlis Daerah Luar Bandar untuk menjadi sebuah pihak berkuasa.²⁰

Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang dan memulakan rundingan-rundingan yang berkesudahan dengan Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan di mesyuaratnya yang bersidang pada 31 Mac 1973 menyetujui akan penyusunan semula Pihak berkuasa Tempatan dalam Malaysia Barat.

Untuk bersedia bagi menghadapi penyatuan, beberapa mesyuarat telah diadakan di antara Majlis Bandaraya George Town, Majlis Daerah Luar Bandar (Pulau Pinang), dan Majlis-Majlis Daerah Utara, Tengah, dan Selatan (Seberang Perai) untuk membincangkan soal penyatuan menjadi dua buah pihak berkuasa tempatan sebuah untuk Pulau Pinang dan sebuah lagi untuk Tanah Besar, masing-masingnya mempunyai Lembaga Pengurusnya sendiri. Di mesyuarat-mesyuarat ini, perbezaan-perbezaan yang

¹⁹ *The Star*, 21/8/72, *Straits Echo*, 21/8/72, SP45/3235, Vol 11, No 52.

wujud berhubung dengan undang-undang mengenai kesihatan, taksiran, kewangan, kejuruteraan dan perancangan bandar serta kawalan-kawalan bangunan telah dibincangkan. Cara-cara dan jalan-jalan untuk menyamakan kecekapan telah juga dikaji di mesyuarat-mesyuarat ini.

Untuk Pulau Pinang, tujuan-tujuan utama bagi penyatuan ialah :-

1. Menambah kecekapan dalam memberi perkhidmatan-perkhidmatan di dalam kawasan-kawasan luar bandar.
2. Menyamakan undang-undang tambahan dan amalan pentadbiran bagi seluruh pulau.
3. Menjimatkan wang secara jangka panjang dengan membasmikan perbelanjaan yang sia-sia yang berulangan.

Berlakunya penyatuan ini telah membolehkan pegawai-pegawai Majlis Daerah Luar Bandar, Pulau Pinang diserapkan ke dalam Jabatan-jabatan Majlis Bandaraya yang wajar. Sebagai permulaan, mereka akan meneruskan dengan menjalankan tugas-tugas yang berhubung dengan kawasan-kawasan luarbandar. Selepas itu, penyerapan akan berjalan perlahan-lahan sehingga tidak lagi terdapat perbezaan antara pegawai-pegawai yang menjalankan tugas-tugas di luarbandar dan yang menjalankan tugas-tugas dalam bandar. Selain itu, pejabat cawangan Majlis Daerah Luar Bandar di Balik Pulau diperluaskan untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik kepada penduduk-penduduk di daerah Barat Daya.²¹

Di bawah Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan- Peruntukan Sementara), 1973 yang diperkenalkan oleh LCE, ia telah membuka jalan kepada penyusunan semula

²⁰ " Biodata Tua Dr Lim Chong Eu," him. 7-8.

Pihakberkuasa Tempatan dan hasil daripada ini, sebuah Pihakberkuasa Tempatan untuk seluruh Pulau Pinang ditubuhkan pada 1 Julai 1974 iaitu Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang. Ia dikuasai serta diuruskan oleh sebuah Lembaga Pengurus yang terdiri daripada seorang pengurus dan 24 orang ahli. Pengurusnya ialah Encik Toh Ah Bah.

Pengisytiharaan majlis-majlis yang telah disatukan yang terdiri dari Majlis Bandaraya George Town, Pulau Pinang dan Majlis Daerah Luar Bandar Pulau Pinang sebagai sebuah Pihakberkuasa Tempatan yang tunggal itu menandakan salah satu dari kejadian yang penting dalam perkembangan Kerajaan Tempatan di Malaysia kerana ianya merupakan Pihakberkuasa Tempatan yang pertama sekali disatukan. Bagaimanapun, taraf Bandaraya George Town sebagai sebuah bandaraya terus terpelihara dan kekal dan tidak terjejas oleh penyatuan ini.

Berikutnya dengan penyatuan itu, maka gelaran jawatan Setiausaha Bandaraya telah ditukarkan kepada Ketua Pengarah dan Setiausaha Majlis Daerah Luar Bandar Pulau Pinang telah dikenali sebagai pengarah Pentadbiran. Lain-lain Ketua Jabatan Lembaga telah digelar sebagai Pengarah di jabatan-jabatan mereka masing-masing.

Bagi tujuan memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik serta kemudahan-kemudahan dan pentadbiran yang lebih cekap bagi faedah pembayar-pembayar cukai maka, berbagai-berbagai Jawatankuasa Penasihat yang terdiri daripada Ahli-ahli Lembaga telahpun ditubuhkan oleh LCE dan jawatankuasa-jawatankuasa penasihat ini adalah seperti Jawatankuasa Penasihat Kewangan, Jawatankuasa Penasihat mengenai Perhentian bas, Jalan Maxwell, Jawatankuasa Penasihat mengenai Pungutan

²¹ Pulau Pinang, *Laporan-laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town, Pulau Pinang, 1973*, Majlis Bandaraya George Town, 1974, Pulau Pinang, hlm.2-3.

darah babi, Jawatankuasa Penasihat Perumahan, Jawatankuasa Penasihat Belanjawan, Jawantankuasa Penasihat Pengangkutan, Jawatankuasa Penasihat Bangunan-bangunan Haram dan Jawatankuasa Penasihat Tender.²²

Maka, boleh dikatakan, Pulau Pinang di bawah pentadbiran GERAKAN pimpinan LCE telah berjaya menyusunkan satu sistem pentadbiran yang teratur. Untuk memastikan kecekapan dalam pentadbiran, pengkhususan dalam bidang-bidang tertentu telah dilakukan dengan sebaik mungkin. Beliau sentiasa meneliti dan mengkaji struktur pentadbiran Kerajaan Negeri yang sedia ada bagi memperbaiki kelemahan yang wujud. Beliau percaya satu sistem pentadbiran yang cekap dan sistematik diperlukan bagi membangunkan Pulau Pinang. Dalam mentadbir negeri itu, LCE sentiasa mendapatkan pandangan dan memahami masalah rakyat supaya kebijakan dan kepentingan masyarakat tidak diabaikan. Bagi LCE, sokongan rakyat menjadi tonggak pemerintahan beliau sebagai Ketua Menteri. Oleh itu, LCE dari masa ke semasa meminta pegawai kerajaan bekerjasama dengan rakyat supaya usaha memajukan Pulau Pinang menjadi lebih berkesan..

²² Sebelum ini, Majlis Bandaraya telah ditadbir oleh Pengawai yang mentadbir Majlis Bandaraya yang mana juga adalah Ketua Menteri menurut Perintah (Pemindahan Tugas-tugas) Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town, 1972*, Majlis Bandaraya George Town, Pulau Pinang, 1973, hlm.2. Walau bagaimanapun, perintah ini telah dibatalkan oleh satu Pemberitahu Warta Kerajaan Negeri bertarikh 27.6.74 demi untuk membuka jalan ke arah penubuhan sebuah Pihakberkuasa Tempatan yang tunggal bagi Pulau Pinang. Surat-surat perlantikan sebagai Ahli-ahli Lembaga Pengurus, Kerajaan tempatan Pulau Pinang telah disampaikan oleh Datuk Ong Kee Hui, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan di satu upacara gilang gemilang yang telah diadakan di Bangunan Dewan Undangan Negeri pada 1.7.1974. Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang, 1974*, Lembaga Pengurus Tempatan Pulau Pinang, Pulau Pinang, 1975, hlm.1-2.

Ke Arah Pembentukan Kerajaan Campuran di Pulau Pinang

Peristiwa 13 Mei 1969 meninggalkan kesan yang mendalam terhadap keadaan politik di negara ini. Para pemimpin politik mula memikirkan cara bagi mengatasi masalah perkauman akibat insiden tragedi itu. Hasilnya, kerajaan campuran diadakan di Sarawak antara SUPP (Sarawak United People's Party) dan Perikatan, GERAKAN dan Perikatan di Pulau Pinang, PPP dan Perikatan di Perak dan PAS dengan Perikatan di Kelantan.²³ Konsep kerajaan campuran ini menjadi asas penubuhan Barisan Nasional (BN).

Ini semua memberi kesedaran padu kepada LCE supaya memulihkan keamanan dan niemelihara perpaduan negara. Beliau percaya langkah mengadakan hubungan yang erat antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri melalui pembentukan kerajaan campuran ialah cara terbaik ke arah itu. Ini diakui sendiri oleh LCE dengan berkata :

The GERAKAN party in Penang went into coalition with the State Alliance not because it was a bankrupt party but as act of dedication to help in nation-building.²⁴

Kesedaran ini bukan dimiliki oleh LCE seorang sahaja. Di peringkat Kerajaan Persekutuan pula ada kepercayaan bahawa kerajaan campuran dapat menyelamatkan negara di samping dapat menguatkan parti pemerintah iaitu Perikatan melalui kerjasama dengan parti-parti pembangkang.

Di samping kepentingan negara, LCE setuju kerajaan campuran kerana mahukan pembangunan. Beliau memahami kewajipan dan tanggungjawab untuk memulihkan

²³ Pembentukan SUPP-Perikatan diadakan pada 7 Julai 1970, PPP-Perikatan pada 1 Mei 1972, PAS-Perikatan pada 27 Disember 1972. D.K.Mauzy, *Barisan Nasional*, hlm.52-70.

²⁴ *The Star*, 26/6/72, *Straits Echo*, 26/6/72, SP45/3235, Vol.11, No.52.

ekonomi Pulau Pinang yang sedang dilanda masalah pengganguran yang teruk. Bagi LCE, walaupun GERAKAN merupakan sebuah parti pembangkang tetapi beliau tetap memberikan kerjasama kepada Kerajaan Pusat kerana yakin langkah tersebut dapat menjamin masa depan ekonomi Pulau Pinang yang lebih cerah.²⁵ Malah LCE sebelum itu telah menyatakan syarat utama memberikan sokongan kepada Kerajaan Pusat adalah nendapat jaminan bantuan dalam pembangunan ekonomi Pulau Pinang.²⁶ Menurut LCE :

*Cordiel ties with Central Government our first aim.*²⁷

Beliau kemudiannya turut menambah :

*I am confident that Central Government will assist us in every way they can because our plans are complementary.*²⁸

Tindakan LCE secara terbuka menyatakan sokongan kepada Kerajaan Pusat pimpinan Perikatan ini menunjukkan beliau sedar bahawa kerjasama dengan Kerajaan

²⁵ " Ucapan Dr.Lim Chong Eu di Pulau Pinang pada 16 Julai 1971 " dalam Lim Choon Choo (ed), *Koleksi Teks Ucapan Dr.Lim Cong Eu : Ke Era Baru*, Ooi Soon Seang, Penang, 1990, hlm.4. *Straits Echo*, 26/6/69, SP45/3225, Vol.1, No.52.

²⁶ *Sin Chew Jit Poh*, 28/6/69, SP45/3225, Vol.1, No.52. Selepas berakhirnya Pilihanraya Umum 1969, LCE telah membuat lawatan ke Kuala Lumpur selama empat hari untuk menemui Tengku, Tun Abdul Razak serta beberapa orang Menteri seperti Tun Dr.Ismail dan Tan Siew Sin bagi membincangkan soal pembangunan ekonomi di Pulau Pinang seperti pembinaan rumah kos rendah dan usaha membangunkan industri pelancongan negeri tersebut. *Nanyang Siang Pao*, 26/6/69, *Sin Chew Jit Poh*, 26/6/69, SP45/3225, Vol.1, No.52. Menteri Khas, Khaw Kai Boh mengambil keputusan ke Pulau Pinang bagi membincangkan dengan lebih lanjut isu ini. *Straits Times*, 26/6/69, SP45/3225, Vol.1, No.52.

²⁷ *Straits Times*, 14/5/6, SP45/3225, Vol.1, No.52. Sebenarnya pada 1967-1968, selalu ada tokoh politik mengunjungi LCE di Pulau Pinang seperti Setiausaha Agung MCA masa itu, iaitu Khaw Kai Boh. Malahan Tun Abdul Razak juga memandang berat kepadanya dan sering mendapatkan pendapat beliau. *Kwong Wah Jih Poh*, 2/4/98

²⁸ *Straits Echo*, 26/7/69, SP45/3226, Vol.2, No.52.

Persekutuan perlu untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi projek ekonomi yang telah beliau rancangkan untuk dilaksanakan semasa dalam jawatan.

Usaha menjalinkan hubungan baik antara kedua-dua pihak ini turut disambut baik oleh Tengku Abdul Rahman. Beliau dalam satu lawatan ke Pulau Pinang pada 29 Julai 1969 telah memuji LCE. Menurutnya :

*I appreciate that although this is an Opposition State Government, it has demonstrated a spirit of co-operation that greatly encourages me.*²⁹

Jalinan hubungan baik antara kedua-dua pihak ini terbukti dengan perlantikan LCE sebagai Pengarah Majlis Tindakan Negeri Pulau Pinang oleh Pengarah Majlis Tindakan Negara, Tun Abdul Razak.³⁰ Namun, kerjasama ini hanya terhad kepada GERAKAN di Pulau Pinang. Sesungguhnya kesediaan pihak Perikatan bekerjasama dengan kerajaan Pulau Pinang pimpinan LCE adalah kerana keputusan pilihanraya 1969 menunjukkan Perikatan mulai lemah akibat kekalahan teruk MCA khususnya di Pulau Pinang.³¹

Hubungan erat LCE dengan Kerajaan Persekutuan kian mendapat perhatian apabila telah timbul desas-desus pada Ogos 1970 bahawa LCE akan dilantik sebagai ahli Kabinet, dan jawatan Ketua Menteri akan diambil alih oleh Ooh Chooi Cheng (Speaker

²⁹ *Straits Times*, 31/7/69, SP45/3226, Vol.2, No.52. Pada 10 Mac 1971, Tengku Abdul Rahman telah dijadikan Orang Bebas Bandaraya George Town. Beliau merupakan rakyat Malaysia pertama menerima penghormatan ini. Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1971*, Majlis Bandaraya George Town, Pulau Pinang, 1972, hlm. 1.

³⁰ *Cenderamata Ulangtahun ke 25 Gerakan : Sejarah dan Perjuangannya*, hlm.3.

³¹ Dalam Pilihanraya Umum 1969, MCA hanya memenangi 13 kerusi Parlimen walaupun menamakan 33 orang calon. Di Pulau Pinang, MCA hanya memperolehi satu kerusi Parlimen dan gagal memenangi sebarang kerusi Dewan Undangan Negeri. Untuk keterangan lanjut, sila lihat R.K.Vasil, *The Malaysian General Election of 1969*, hlm.73-96.

Dewan Agung GERAKAN).³² Bagaimanapun, ini telah dinafikan oleh Dr.Tan Chee Khoon dan LCE sendiri yang beliau pernah ditawarkan jawatan tersebut.³³ Sebenarnya khabar angin ini mengambarkan keinginan Tun Razak menggantikan kedudukan Tan Siew Sin dalam Kabinet dengan LCE.³⁴ Lebih-lebih lagi LCE mempunyai pengaruh politik yang kuat di Pulau Pinang dan kemerosotan populariti MCA di negeri tersebut. Tambahan pula, LCE sentiasa menyatakan ketataan dan sokongan kepada pimpinan Kerajaan Pusat. Mengikut LCE :

*I am confident the choice is a good one and we should be able to anticipate the closest rapport between state and Federal Government.*³⁵

Hubungan baik GERAKAN Pulau Pinang dengan kerajaan Perikatan ini telah membuka jalan kepada hubungan rasmi kedua-dua pihak pada tahun 1972 apabila terbentuk kerajaan campuran kedua di Semenjung Malaysia selepas SUPP berbuat demikian di Sarawak.³⁶

Walau bagaimanapun, hubungan baik LCE dengan Kerajaan Pusat ini telah menimbulkan kemarahan sesetengah ahli dan pemimpin utama GERAKAN³⁷ seperti

³² Dr Tan Chee Khoon juga menafikan penyertaan GERAKAN ke dalam Perikatan dan adanya rundingan antara kedua-dua pihak mengenai rancangan tersebut. Ini berikutan kenyataan Tengku semasa melawat Pulau Pinang pada 13 Ogos 1970 apabila ditanya soal penyertaan GERAKAN itu iaitu "I don't know, it would be very nice if they did". *Nanyang Siang Pao*, 20/8/70, SP45/POL/52. Selain itu, LCE juga turut menafikan penyertaan GERAKAN dalam Perikatan *Kwong Wah Jih Poh*, 26/4/70, SP45/3228, Vol.4, No.52. *Straits Times*, 2/9/70, *Nanyang Siang Pao*, 2/9/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

³³ *Straits Times*, 2/9/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

³⁴ Cheah See Kin, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, him 185

³⁵ Kenyataan ini diberi apabila Tun Razak menggantikan Tengku sebagai Perdana Menteri kedua Malaysia pada September, 1970 *Nanyang Siang Pao*, 2/9/70, SP45/3229, Vol.5, No.52. Tengku meletakkan jawatan akibat berlaku rusuhan 13 Mei 1969. Beliau kemudiannya telah menjadi Setiausaha Agong Sekretariat Islam di Jeddah. *Sin Chew Jit Poh*, 10/9/2000.

³⁶ D.K. Mauzy, *Barisan Nasional*, him 52

³⁷ Penarikan diri dari GERAKAN pertama kali berlaku sebagai bantahan terhadap tindakan LCE bekerjasama dengan Kerajaan Pusat adalah apabila Naib Pengurus GERAKAN cawangan Kelang iaitu

Prof.Syed Hussein Al-Attas, Dr.Tan Chee Khoon, V.Veerappen serta Ong Yi How yang akhirnya membawa kepada tercetusnya krisis dalam GERAKAN³⁸ pada Jun 1971. Ini kerana mereka berpendapat LCE tidak harus bekerjasama dengan Kerajaan Pusat pimpinan Parti Perikatan kerana GERAKAN merupakan sebuah parti pembangkang. Lebih-lebih lagi parti ini begitu lantang mengkritik Kerajaan Perikatan semasa kempen Pilihanraya Umum 1969. Oleh itu, tindakan LCE menjalinkan hubungan baik dengan Parti Perikatan ini akan mencemarkan nama baik parti. Tambahan pula, mereka berkeyakinan ekonomi di Pulau Pinang dapat dipulihkan tanpa bantuan daripada Kerajaan Persekutuan.³⁹ Selain itu, DAP juga mengumumkan berakhirnya kerjasama dengan GERAKAN kerana sebab yang sama.⁴⁰ Bagaimanapun, LCE tidak mengendahkan bantahan-bantahan tersebut kerana beliau percaya rakyat Pulau Pinang ingin sebuah kerajaan yang mampu membawa kemakmuran dan kebahagiaan kepada penduduk negeri tersebut tanpa mengirakan apa cara sekalipun. Beliau seterusnya berkata : “ *I will continue to work with central* ”.⁴¹ Sikap keras kepala LCE ini menunjukkan beliau lebih mengutamakan cita-citanya membangunkan Pulau Pinang daripada mewujudkan persefahaman dalam parti.

Krisis dalam GERAKAN muncul pada Jun 1971.⁴² Ini berikutan percubaan penggantungan keahlian LCE dalam GERAKAN oleh Presidennya, Prof.Syed Hussein

Kabimah Madzi telah meletak jawatan dan menyertai DAP. Beliau kemukakan alasan bahawa GERAKAN telah menafikan prinsip sebagai parti pembangkang kerana ia bercakap untuk pihak Perikatan. *Sin Chew Jit Poh*, 30/12/70, SP45/3230, Vol.6, No.52.

³⁸ Terdapat juga pendapat mengatakan krisis ini timbul kerana berlaku perselisihan faham antara isteri Syed Hussein Alatas dengan isteri LCE. Tan Chee Khoon, *From Village Boy to Mr. Opposition : An Autobiography*, Pelanduk Publications, Petaling Jaya, 1991, hlm.208

³⁹ *Sin Chew Jit Poh*, 7/5/69. *Kwong Wah Jih Poh*, 14/2/72, SP45/3234, Vol.10, No.52.

⁴⁰ Cheah See Kim, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.186.

⁴¹ *Straits Times*, 26/10/70, SP45/3230, Vol.6, No.52. *China Press*, 1/8/71, *Sin Chew Jit Poh*, 1/8/71, SP45/3229, Vol.5, No.52.

⁴² Pada 5/6/71, Ong Yi How (ADUN Bagan Ajam) telah mengadakan satu perjumpaan rahsia untuk menyingkirkan LCE sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang. 8 ADUN GERAKAN Pulau Pinang hadir, iaitu

Al-Attas pada 9 Jun 1971 dengan pelbagai alasan. Pertama, LCE tidak mengikuti polisi parti kerana kerjasama dengan Kerajaan Pusat. Kedua, pengaruh LCE dalam parti telah merosot. Ketiga, kerajaan Pulau Pinang adalah kerajaan LCE seorang dan keempat, sokongan ahli parti terhadap LCE telah merosot.⁴³ Bagaimanapun usaha Prof.Syed Hussein Al-Attas memaksa LCE meletakan jawatan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang menemui kegagalan kerana LCE masih disokong kuat oleh ADUN di Pulau Pinang⁴⁴ yang merupakan markas utama GERAKAN. Keadaan ini menyebabkan Prof.Syed Hussein kemudiannya bertindak mengejut apabila meletak jawatan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif GERAKAN yang diadakan pada 13 Jun 1971 untuk membincangkan nasib LCE dalam parti serta menyelesaikan konflik dalam parti. Tindakan beliau ini telah diikuti oleh Dr.Tan Chee Khoon (Setiausaha Agung GERAKAN), V.Veerapan (Bandahari GERAKAN), Tan Phock Kin (Ahli EXCO Pulau Pinang), Dr.L.H.Tan (wakil dari Johor) dan Richard Tan Hiap Seng (ADUN Melaka).⁴⁵

Walau bagaimanapun, LCE meneruskan mesyuarat ini walaupun hanya mempunyai 9 orang ahli. Dalam mesyuarat ini, 2 keputusan penting telah diambil iaitu pertama, penerimaan perletakan jawatan Prof. Syed Hussein Al-Attas dan pengikut-

Tan Phock Kin, Veerapan, Mustapha Hussein, Teoh Kooi Sneah, Khoo Teng Chye, Chelliah dan Stewart. *Kwong Wah Jih Poh*, 19/6/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

⁴³ *Utusan Malaysia*, 16/6/71, SP45/POL/52. LCE juga dikatakan tidak melaporkan pembangunan projek di Pulau Pinang kepada parti walaupun diminta berkali-kali berbuat demikian. *Straits Times*, 15/6/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

⁴⁴ Di Pulau Pinang, LCE mendapat sokongan daripada 13 ADUN untuk kekalkan jawatannya sebagai Ketua Menteri kecuali Veerappen, Mustapha Hussein dan Ong Yi How. *Straits Echo*, 12/6/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

⁴⁵ Mesyuarat ini diadakan di Petaling Jaya. Jawantankuasa ini mempunyai 15 orang ahli dan tujuh ahli daripadanya adalah dari Pulau Pinang. *Berita Harian*, 15/6/71, SP45/POL/52. *Straits Echo*, 12/6/71.Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, him.186-193.Selain itu, perbezaan ideologi juga adalah satu faktor penting berlaku krisis dalam GERAKAN kerana Dr.Tan Chee Khoon, Tan Phock Kin dan Veerapan adalah bekas pemimpin Barisan Sosialis berideologi sosialisme, manakala LCE pula bekas pemimpin MCA berideologi nasionalisme. *Utusan Melayu*, 16/6/71, SP45/POL/52.

pengikutnya. Kedua, Mesyuarat Agung Perwakilan yang dijadual diadakan pada 3 Julai 1971 GERAKAN ditangguhkan ke 2 – 3 Oktober 1971 di Pulau Pinang.⁴⁶ Dalam pada itu, LCE juga mengambil keputusan menutup ibu pejabat GERAKAN di Petaling Jaya dan dipindahkan ke Pulau Pinang.⁴⁷ Selain itu, beliau telah menjadi pemangku Presiden GERAKAN.⁴⁸ Ternyata, konspirasi untuk menjatuhkan LCE ini telah menemui kegagalan.⁴⁹ Walaupun terdapat ahli GERAKAN yang meminta LCE supaya mengembalikan jawatan kepada pemimpin GERAKAN yang meninggalkan parti sebelum ini,⁵⁰ namun permintaan ini tidak diendahkan oleh LCE. Keadaan ini menunjukkan LCE merupakan seorang yang bersifat autokratik kerana khuatir kedudukannya dalam parti akan sekali lagi terancam.

Sungguhpun LCE dapat menyelesaikan masalah krisis politik dalam GERAKAN, namun beliau telah menjadi sasaran kritikan parti pembangkang di Pulau Pinang seperti Perikatan⁵¹ dan DAP.⁵² Selain itu, saat-saat genting ini menyedarkan LCE bahawa

⁴⁶ Dalam mesyuarat ini, Ong Boon Seong telah dilantik sebagai Setiausaha menggantikan Dr.Tan Chee Khoon, Ng Swee Kooi dilantik menggantikan V Veerappen sebagai Bendahari parti. *Straits Times*, 15/6/71, SP45/3232, Vol.8, No 52

⁴⁷ *Sin Chew Jit Poh*, 1/7/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

⁴⁸ *Straits Times*, 17/6/71, SP45/3232, Vol.8, No 52.

⁴⁹ Bagaimanapun, LCE telah mengerusikan mesyuarat ini. Walaupun, Prof Syed Hussein Alatas telah menubuh satu Jawatankuasa Pusat GERAKAN lain tetapi tidak mendapat pengiktirafan Pejabat Pendaftaran Parti kerana beliau bukan lagi ahli GERAKAN. Kedudukan ini lebih jelas apabila pengumuman dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi, Raja Azlan Shah pada 8 November 1971 bahawa Prof Syed Hussein Al-Attas dilarang membuat kenyataan berhubung GERAKAN dan menganggap dirinya Presiden parti kerana perletakan jawatan pada 13 Jun 1971. Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.192-193.

⁵⁰ Terdapat tujuh cawangan GERAKAN meminta LCE berbuat demikian iaitu dari cawangan Pantai, Brickfield, Jalan Klang Lama, Petaling Jaya , Loke Yew, Salak Selatan dan Kuala Lumpur. *Sin Chew Jit Poh*, 20/6/71, SP45/3232, Vol.8, No.52. V David, bekas Timbalan Setiausaha Agung GERAKAN meminta LCE menjemput balik semua pemimpin yang meletakan jawatan kembali semula ke dalam parti. *Straits Times*, 19/6/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

⁵¹ Perikatan Pulau Pinang telah mendesak LCE supaya meletakan jawatan dan mengadakan pilihanraya semula di Pulau Pinang. Laungan ini telah disuarakan oleh Setiausaha Perikatan iaitu Mohd.Yusof. *Malayan Thung Pao*, 18/6/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

⁵² ADUN DAP, Yeap Ghim Guan telah mengadakan satu usul tidak percaya terhadap LCE pada 27 September 1971 tetapi gagal Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.193.

kedudukan beliau di Pulau Pinang sebenarnya masih belum terjamin. Tambahan pula, beliau juga merupakan satu-satunya wakil GERAKAN dalam Parlimen.⁵³

Untuk mengukuhkan kedudukannya, LCE mula mempertimbangkan kerjasama lebih erat dengan Kerajaan Perikatan. Pendirian politik LCE ini jelas dalam pilihanraya kecil yang diadakan pada Disember 1971 di kawasan Muda. Dalam pilihanraya ini, LCE telah secara terbuka menyeru penduduk kawasan Muda mengundi calon Perikatan. Sebagai tanda sokongan penuh kepada Parti Perikatan, beliau mengambil keputusan tidak menamakan calon GERAKAN untuk bertanding di kawasan tersebut. Sesunguhnya kemenangan calon Perikatan dalam pilihanraya ini telah menguatkan lagi keazaman LCE untuk mengeratkan hubungan dengan Kerajaan Persekutuan kerana beliau menyifatkan keputusan pilihanraya ini menunjukkan penduduk Pulau Pinang ingin beliau berbuat demikian.⁵⁴ Bagaimanapun, tindakan LCE ini telah menimbulkan reaksi daripada pelbagai pihak.⁵⁵

Pembentukan kerajaan campuran GERAKAN-Perikatan di Pulau Pinang kian jelas pada awal tahun 1972. Namun, LCE selalu enggan mengulas lanjut perkara tersebut. Sebaliknya, beliau selalu menegaskan bahawa tidak ada satu kepastian dalam politik. Ini

⁵³ Keadaan ini berlaku berikutan penarikan diri beberapa ahli Parlimen dari GERAKAN termasuk Dr.Tan Chee Khoon dan V.Veerappen. *Kwong Wah Jih Poh*, 14/1/72, SP45/3234, Vol.10.No.52.

⁵⁴ Pilihanraya kecil ini diadakan berikutan perletakan jawatan ADUN Perikatan, C.C.Ismail kerana penyakit mata, Tuan Haji Kadir bin Haji Hassan (Pengurus UMNO bahagian Utara Provinsi Wellesley) telah menang dalam pilihanraya kecil ini dengan undi majoriti 2434 undi ke atas calon PAS iaitu Salleh bin Sa'aid . Selain itu, LCE menyifatkan kemenangan calon Perikatan membuktikan penduduk Pulau Pinang ingin kerjasama erat antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. *Sin Pin Jit Poh*, 10/12/71. *Nanyang Siang Pao*; 7/11/71, *China Press*, 13/12/71, *Straits Echo*, 9/12/71, SP45/2123, Vol.13.No.30.

⁵⁵ Yeap Ghim Guan (DAP) kata sokongan terbuka GERAKAN kepada Perikatan menunjukkan GERAKAN tidak mempunyai prinsip. MCA Pulau Pinang kata tujuan LCE adalah melindungi kelemahan GERAKAN kerana rakyat Pulau Pinang sudah hilang kepercayaan terhadapnya. UMNO pula kata tindakan LCE ini akan mengeratkan hubungan antara GERAKAN dan Perikatan. *Kwong Wah Jih Poh*, 11/12/71, SP45/2123, Vol.13.No.30

menunjukkan LCE adalah seorang yang bijak bersandiwarai dalam politik.⁵⁶ Menurut LCE :

Sebagai seorang ahli politik, kita tidak boleh menolak sebarang kemungkinan yang mungkin berlaku, tetapi kita boleh manafikan sesuatu yang tidak berlaku. ⁵⁷

Bagaimanapun, pada 13 Februari 1972, Tun Abdul Razak dan LCE akhirnya telah mencapai kata sepakat untuk membentuk kerajaan campuran GERAKAN-Perikatan di Pulau Pinang. Keputusan ini diumumkan secara rasmi oleh LCE pada 16 Februari 1972. Di bawah pakatan ini, beberapa syarat perjanjian diadakan :

1. Sekurang-kurang seorang ADUN Perikatan menyertai EXCO Negeri. Selebihnya (3 ADUN UMNO) akan menyertai Jawantankuasa Kecil di luar EXCO Negeri.
2. Parti GERAKAN akan menyokong Kerajaan Perikatan di Parlimen dan Dewan Negeri.
3. Jawatan Ketua Menteri masih dipegang oleh LCE dan GERAKAN dibenarkan terus menguasai Kerajaan Negeri dengan syarat dasar Kerajaan Negeri tidak bercanggah dengan matlamat Kerajaan Persekutuan.
4. Satu Jawantankuasa Penasihat akan dibentuk bagi menasihatkan pentadbiran Ketua Menteri yang dipengerusi oleh LCE.

⁵⁶ Desas desus LCE mengadakan rundingan dengan Tun Razak mengenai pembentukan kerajaan campuran adalah susulan lawatan Tun Razak dan Tun Dr.Ismail ke Pulau Pinang pada akhir tahun 1971. Manakala, DAP Melaka telah mengibar bendera hitam menandakan bantahan pembentukan kerajaan campuran di Pulau Pinang dan mengesas LCE keluar dari Melaka semasa lawatan beliau ke negeri tersebut pada Januari 1972. *Malayan Thong Pao*, 21/1/72, SP45/3234, Vol.10, No.52.

⁵⁷ *Kwong Wah Jih Poh*, 14/1/72, SP45/3234, Vol.10, No.52.

5. Satu Majlis Penyelarasan ditubuhkan untuk menyelaraskan polisi kerajaan campuran dan dipengerusikan oleh Tun Tan Siew Sin.⁵⁸

Sememangnya, motif Perikatan membentuk kerajaan campuran ini adalah untuk sama-sama bertanggungjawab terhadap politik dan pentadbiran Pulau Pinang serta memudahkan pelaksanaan ekonomi kerajaan Persekutuan. Pada masa yang sama, ia membawa masuk sebuah parti pembangkang berfahaman sederhana di bawah naungannya.

Bagi GERAKAN pula, terdapat banyak pendapat yang mengatakan perpecahan dalam parti yang menjadi faktor terpenting mendorong LCE membawa masuk GERAKAN dalam Perikatan.⁵⁹ Ini susulan krisis dalam GERAKAN telah mengakibatkan kedudukan LCE di Pulau Pinang kian bergoyah. Namun penulis berpendapat bahawa perpecahan dalam GERAKAN hanya sekadar melicinkan dan memudahkan penyertaan GERAKAN dalam Perikatan. Ini berdasarkan hubungan baik Kerajaan Negeri Pulau Pinang pimpinan LCE dengan Kerajaan Pusat sebelum ini. Selain itu, LCE juga berkeras bekerjasama dengan Kerajaan Pusat walaupun sering terdapat bantahan daripada sesetengah ahli GERAKAN sebelum krisis parti bermula. Dalam pada itu, LCE berulang kali menegaskan bahawa kerjasama Kerajaan Persekutuan perlu demi perpaduan negara⁶⁰ dan pembangunan ekonomi negeri Pulau Pinang walaupun selepas kerajaan campuran telah diadakan. Ini menunjukkan bahawa alasan yang dikemukakan oleh LCE ini tidak

⁵⁸ Md.Aris Ariffin, "Coalition Government in Penang," Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1972/73, hlm.40.

⁵⁹ *Ibid.*, hlm.24-26. Penulis ini berpendapat perpecahan dalam GERAKAN jadi faktor utama kerana idea kerajaan campuran tidak wujud sebelum insiden ini. *Kwong Wah Jih Poh* turut berpendapat pepecahan dalam GERAKAN jadi faktor utama. *Kwong Wah Jih Poh*, 20/2/72, SP45/3234, Vol.10, No.52. Manakala, DAP pula berpendapat tindakan ini lebih bermotif memelihara kedudukan GERAKAN dan menjaga kepentingan Perikatan. *Sin Chew Jit Poh*, 19/2/72, SP45/3234, Vol.10, No.52,

berbeza dengan apa yang diberikan selepas pilihanraya 1969 untuk membolehkan beliau berbuat demikian. Oleh itu, jelas LCE lebih mengutamakan kejayaannya di Pulau Pinang daripada mengikuti polisi parti sebagai parti pembangkang.

Berdasarkan bacaan akhbar-akhbar Cina dan Inggeris, penulis mendapati dari semasa ke semasa, LCE sentiasa memberi ketaatan dan sokongan yang cukup padu kepada pimpinan Tun Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia walaupun BN dibentuk pada 1 Jun 1974. Malahan GERAKAN pimpinan LCE telah menyertai BN tanpa apa-apa syarat.⁶¹ Bagi LCE, mana-mana ahli GERAKAN yang gagal memberi sokongan penuh pada BN harus disingkirkan dari parti.⁶² Pada Ogos 1973, LCE mengeluarkan kenyataan akhbar :

...For peace, security and happiness, everyone must rally round our national leader. We on behalf of all members of GERAKAN respond fully to the call of Tun Abdul Razak .⁶³

Kenyataan seumpama ini diulanginya lagi pada April 1974 :

Being a partner of the National Front, we must give full support to Tun Razak. We can only carry out this function honestly, earnestly and with harmony, patience and determination.⁶⁴

⁶⁰ *Straits Times*, 15/1/73, *Sing Pin Jit Poh*, 15/1/73, SP45/3237, Vol.13, No.52.

⁶¹ *Malayan Thming Pao*, 7/3/74, *The Star*, 22/4/74, SP45/ 3241, Vol.17, No.52.

⁶² *Sin Chew Jit Poh*, 22/4/74, SP45/3241, Vol.17, No.52.

⁶³ *Straits Echo*, 7/8/73, SP45/3239, Vol.15, No.52.

⁶⁴ *The Star*, 22 4/74.



陈志勤
Dr. Tan Chee Khoon



赛胡申阿拉达斯
Syed Husseln Alatas



陈朴根
Tan Phock Kin



威拉邦
Veerappan



王裕好
Ong Joo How



V 大卫
V. David



杨德才
Yeoh Teck Chye



慕斯打化
Mustafa Hussein



彼德医生
PETER DASON

Gambar 4.1 Ahli-ahli GERAKAN ingin menjatuhkan LCE dalam krisis parti tahun 1972

Oleh itu, di antara tahun 1969 hingga 1974 ini menyaksikan GERAKAN pimpinan LCE di Pulau Pinang mengalami satu perubahan yang cukup dramatik kerana ia menampakkan satu perubahan polisi parti yang sebelum ini bertentangan dengan kerajaan Perikatan kepada satu dasar kerjasama yang erat antara GERAKAN dan Perikatan sehinggalah kepada pembentukan kerajaan campuran pada tahun 1972. Sungguhpun tindakan LCE ini pernah disifatkan sebagai melanggar polisi parti, namun sebenarnya ketegasan LCE menyatakan sokongan kepada Kerajaan Pusat adalah atas kesedaran beliau bahawa politik konfrontasi bukan saja tidak harus ditolakansurkan malahan adalah buruk untuk perpaduan nasional.⁶⁵ Selain daripada itu, kerjasama ini juga akan menjaminkan kestabilan dan pemulihan yang awal bagi demokrasi berparlimen di Malaysia lebih-lebih lagi negara ini baru dilanda oleh Peristiwa 13 Mei 1969.

Maka bolehlah dikatakan bahawa kerajaan campuran yang diusahakan oleh LCE itu telah membolehkan beliau memainkan dua peranan yang penting iaitu dalam membangunkan semula ekonomi Pulau Pinang yang teruk dengan bantuan Kerajaan Persekutuan dan juga menggalakkan perpaduan masyarakat. Dengan adanya kerjasama antara LCE, pemimpin GERAKAN dan Tun Abdul Razak, pemimpin Perikatan, ia menjadi perintis penubuhan BN. Ertinya, GERAKAN kini bernaung di bawah BN.

⁶⁵ Straits Times, 26/3/71, Kin Kwok Daily News, 26/3/71, China Press, 27/3/71, SP45/3231, Vol.7, No.52

Hubungan Diplomatik

Dalam aspek ini, ia memperlihatkan terdapat ramai wakil dari negara luar telah melawat ke Pulau Pinang pimpinan LCE sepanjang tahun 1969 hingga 1974. Kedatangan mereka ini membawa pelbagai misi yang berbeza. Yang penting adalah ia menunjukkan bahawa walaupun Pulau Pinang hanya bertaraf sebuah negeri tetapi potensinya sebagai sebuah negeri yang sedang membangun di bawah perancangan LCE telah mendapat pengiktirafan dari negara-negara luar. Lebih-lebih lagi apabila Tun Razak yang menggantikan Tengku sebagai Perdana Menteri pada September 1970 telah mengamalkan dasar luar negara yang lebih liberal.⁶⁶ Ini seterusnya membawa lebih banyak perwakilan asing ke Malaysia terutamanya di Pulau Pinang.

Kedudukan Pulau Pinang yang strategik dari segi penerbangan di bawah pimpinan LCE telah mula mendapat perhatian dunia apabila kerajaan Australia memutuskan akan menghadiahkan sepuluh buah pesawat perang kepada Malaysia dan memberi bantuan melatih anak pesawat tempatan pada 1 Oktober 1969. Ini susulan Komander Butterworth, R.T Susans dari Australia mengakui Pulau Pinang adalah satu kawasan yang amat sesuai untuk tujuan penerbangan.⁶⁷

Selain itu, kepimpinan dan ketokohan LCE turut mendapat pengiktirafan dunia luar walaupun GERAKAN baru beberapa bulan mengambil alih pimpinan Pulau Pinang. Ini kerana Pensuruhjaya Tinggi Pakistan, Mr, M.S.Sheikh telah mengakui LCE adalah seorang yang cintai negara dan mengambil berat kebajikan negara. Beliau mengharapkan

⁶⁶ G.P.Means, *Malaysian Politics : The Second Generation*, Oxford University Press, Singapore, 1991, hlm.46-49.

⁶⁷ *China Press* 11/7/69, *Straits Echo*, 11/7/69, SP45/3225, Vol.1, No.52.

kerjasama yang lebih erat antara Malaysia dan Pakistan dari segi pendidikan dan teknologi. Beliau seterusnya menambah :

*I must say that, during my courtesy call on the Chief Minister, I acquired a very great respect for his sophisticated and intensive mind.*⁶⁸

Dalam pada itu, pujian yang sama kepada LCE juga diberikan oleh Pensuruhjaya Tinggi Singapura iaitu Mr.Maurice Baker.⁶⁹

Rombongan pelajar Universiti dari Perancis yang membuat lawatan sambil belajar ke Pulau Pinang turut memuji negeri ini adalah sebuah tempat yang bersih dan aman walaupun penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum.⁷⁰ Kumpulan pelajar ini percaya semua ini adalah hasil kejayaan Jawatankuasa Perpaduan Muhibah Negeri pimpinan LCE yang dilancarkan.

Dua pakar perumahan dari Taiwan yang melawat ke Pulau Pinang telah menegaskan industri perumahan di Hong Kong dan Jepun tidak begitu berjaya kerana masalah gempa bumi manakala Taiwan pula menghadapi masalah kekurangan pekerja mahir. Namun, mereka mengakui telah menimba pengalaman yang berharga dari segi projek pembinaan rumah selepas mengadakan pertemuan dengan LCE yang dapat dijadikan model pembinaan di Taiwan. Ini kerana industri perumahan di Pulau Pinang diakui lebih berjaya berbanding Jepun dan Hong Kong.⁷¹

⁶⁸ *Straits Times, Sin Chew Jit Poh*, 5/8/69, SP45/3226, Vol.2, No.52.

⁶⁹ *Malay Mail*, 2/5/70, *Straits Echo*, 5/5/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

⁷⁰ Penduduk Melayu dan Cina masing-masing mencatat 45 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk manakala selebihnya kaum-kaum lain. *Kwong Wah Jit Poh*, 14/8/69

⁷¹ Dua pakar dari Taiwan ialah Pu Ying Chu, Ketua Bahagian Jawatan Penyelidikan dari Taiwan dan Ching Wu Liang, seorang Penolong Ketua Jurutera. *Straits Times*, 23/9/69, *China Press*, 23/9/69, SP45/3226, Vol.2, No.52.

Sesungguhnya, sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang yang baru, LCE sedar bahawa untuk membangunkan negeri ini, maka beliau harus menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan negara-negara luar baik dari aspek politik, ekonomi ataupun sosial. Kepentingan ini tidak pernah dilupai LCE walaupun semasa beliau mendapat rawatan kesihatan di luar negara. Pada tahun 1969, beliau ditemani isterinya ke Hong Kong untuk tujuan mendapatkan rawatan doktor dari Amerika Syarikat iaitu Profesor Hodgson kerana kesakitan di belakang badan.⁷² Dalam lawatan ini, LCE telah menemui ahli-ahli perniagaan di Hong Kong dan turut melawat ke lapangan terbang dan hotel peranginan di negara tersebut untuk tujuan pembangunan di Pulau Pinang. Beliau mengatakan :

*I hope they will bring in more industry to Penang.*⁷³

Dalam pada itu, LCE juga mengadakan lawatan sambil bekerja di Eropah selama lima minggu di Eropah. Beliau telah melawat negara-negara seperti Britain, Jerman Barat, Switzerland, Perancis dan Utara Eropah. Lawatan ini dibuat pada pertengahan 1970 dan merupakan kali pertama LCE buat lawatan ke luar negeri secara rasmi sejak menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang. Tujuan lawatan seumpama ini diadakan untuk menggalakkan pelaburan dan mempromosikan Pulau Pinang kepada dunia luar di samping menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara berkenaan. Dalam rombongan ini, beliau tidak diiringi oleh mana-mana pegawai.⁷⁴ Ini menunjukkan LCE merupakan seorang yang bercita-cita tinggi untuk memajukan Pulau Pinang dengan bantuan negara maju. Lawatan seumpama ini dibuat untuk kali kedua pada 1 Ogos 1973

⁷² *Straits Echo*, 3/12/69, SP45/3227, Vol.3, No.52.

⁷³ *Sin Chew Jit Poh*, 4/12/69, *Straits Times*, 5/12/69, SP45/3227, Vol.7, No.52.

⁷⁴ *Straits Echo*, 12/6/70, *Straits Times*, 13/6/70, *Nanyang Siang Pao*, 13/6/70, *Straits Times*, 28/6/70, *Kwong Wah*, 28/6/70, *Sing Pin Jit Poh*, 19/7/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

bagi tujuan yang sama. Negara-negara yang dikunjungi ialah Austria, Poland, Romania, Yugoslavia, Greek, Sweden, Perancis, Jerman, dan Denmark. Dalam rombongan ini, beliau diiringi Mr Chet Singh (Pengurus Besar Penang Development Corporation). Ternyata, kedua-dua lawatan ini berjaya membawa hasil pulangan yang lumayan kepada kemajuan Pulau Pinang.⁷⁵ Ia turut membuktikan keupayaan LCE menyakinkan pelabur luar terhadap negeri ini. Menurut LCE, semasa di London, beliau terjumpa laporan akhbar melaporkan berita mengenai Pulau Pinang dan ramai yang memuji negeri ini kerana keamanan dan kestabilan.⁷⁶

Hasil penjelasan LCE semasa lawatan ke negara-negara luar ini telah menyebabkan banyak negara tertarik dengan suasana dan keindahan di Pulau Pinang. Antaranya Pesuruhjaya Tinggi Australia Mr.J.R.Rowland telah menyatakan mengenai keyakinan beliau terhadap masa depan negeri ini hasil penjelasan LCE sebelum ini.⁷⁷ Mr.Rodolf Schroeder iaitu Director of Germany's Reconstruction Loan Corporation turut memuji Pulau Pinang. Mr.Hans Koschnick, Ketua Menteri bandar Breman dari Jerman pula menyatakan ramai perniaga dari bandar tersebut ingin bekerjasama dengan Pulau Pinang.⁷⁸ Di samping itu, LCE turut mempromosikan Pulau Pinang kepada 20 jurnalis Jerman yang berkunjung ke negeri ini pada tahun 1971. Rombongan ini dihidangkan makanan tempatan seperti sateh, gado-gado dan chendol. Menurut ketua rombongan ini, Mr.Lothar Bagemie :

⁷⁵ Untuk perbincangan yang lebih lanjut mengenai pelaburan negara-negara ini di Pulau Pinang akan dibuat dalam bab 6. *Straits Echo*, 26/7/73, *Straits Times*, 26/7/73, SP45/3239, Vol.15, No.52.

⁷⁶ *China Press*, 21/7/70, *Malayan Thung Pao*, 21/7/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

⁷⁷ *Straits Times*, 11/3/70, SP45/3228, Vol.4, No.52.

⁷⁸ *Straits Echo*, 26/1/71, SP45/3231, Vol.7, No.52.

*We are so completely enraptured by what Dr.Lim has told and shown us that many of are determined to come back to your lovely island.*⁷⁹

Kecantikan Pulau Pinang juga menjadi salah satu punca Duta Norway, Mr.Olaf Tellefsen menyatakan hasratnya mendirikan industri perkapalan di negeri ini.

Menurutnya :

*Making pleasure boats is one field where Malaysia and Norway could co-operate.*⁸⁰

Sesungguhnya, berdasarkan petikan-petikan di atas, jelas menunjukkan bahawa negara-negara luar amat yakin dengan perkembangan Pulau Pinang di bawah pimpinan LCE. Negeri ini disifat sebagai mempunyai potensi yang besar dalam pelbagai aspek khususnya pelaburan.

Selain itu, penulis mendapati bahawa sepanjang tahun 1969 hingga 1974, hampir kesemua perwakilan luar yang mengunjungi Malaysia akan singgah di Pulau Pinang untuk meninjau keadaan negeri ini. Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Khmer, Dr.Pan Sothi yang kagum dengan polisi pendidikan Malaysia telah menemui LCE.⁸¹ Begitu juga Pesuruhjaya Tinggi British iaitu Sir John Johnston juga mengadakan perjumpaan dengan LCE⁸² semasa lawatan ke Malaysia. Seorang editor Economist Confidential Foreign Report iaitu Kenneth Mackenzine yang dijemput oleh kerajaan Malaysia untuk mengkaji polisi dan strategik luar negera ini telah menemui LCE dalam

⁷⁹ Rombongan ini terdiri daripada wakil-wakil suratkhabar, radio dan T,V dari Jerman. *Malay Mail*, 8/2/71, SP45/3231, Vol.7, No.52.

⁸⁰ Norway merupakan negara keempat terbesar dalam bidang kelautan di dunia. Negera ini juga banyak membuat kapal hiburan kepada US dan Eropah. *Straits Times*, 20/4/71, SP45/3231, Vol.7, No.52.

⁸¹ *Straits Echo*, 10/6/71. *Sin Chew Jit Poh*, 11/6/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

⁸² *Straits Echo*, 6/8/71, SP45/3233, Vol.9, No.52.

lawatan lima harinya di Malaysia. Beliau amat kagum dengan kemajuan di Pulau Pinang.⁸³

Pesuruhjaya Tinggi British, Mr.D.McD Gordon menemui LCE untuk menjelaskan tujuan sebenar rakyat Malaysia diminta untuk menghadiri temuduga semasa memohon pas visa bagi memasuki England.⁸⁴ Inspektor Jeneral Polis Sri Lanka, S.Senanyake turut pernah mengunjungi LCE.⁸⁵ Pesuruhjaya Tinggi India, Mr.A.K.Daw juga bertemu dengan LCE berbincang mengenai hubungan antara India dan Malaysia khususnya kerjasama perdagangan kedua-dua negara tersebut.⁸⁶ Pesuruhjaya Tinggi New Zealand, Mr.J.H.Weir pula mengadakan pertemuan dengan LCE membincangkan soal mengeratkan hubungan antara New Zealand dan Malaysia.⁸⁷ Kunjungan diplomat-diplomat luar ini menunjukkan mereka melihat Pulau Pinang pimpinan LCE ‘ seolah-olah ’ setaraf dengan negara Malaysia.

Dalam pada itu, LCE juga mengadakan dialog dengan pelajar Universiti Nanyang dari Taiwan bertujuan menjelaskan projek-projek pembangunan di Pulau Pinang.⁸⁸ Selain itu, LCE turut menerima kunjungan Duta Republik Khmer, Mr.Nang Kimny,⁸⁹ Presiden Chamber of Economy Yugoslavia iaitu Mr.Rudi Kolak yang berminat mengetahui keadaan pembangunan di negeri ini.⁹⁰ Perdana Menteri Australia, Gough Whitlam pula melawat lapangan terbang Butterworth.⁹¹ Wakil Papua New Guinea pula, Mr.Kaputin

⁸³ *Straits Echo*, 27/5/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

⁸⁴ *Straits Echo*, 18/10/72, SP45/3236, Vol.12, No.52.

⁸⁵ *The Star*, 17/4/73, SP45/3238, Vo.14, No.52.

⁸⁶ *Straits Echo*, 15/5/73, SP45/3238, Vol.14, No.52.

⁸⁷ *Straits Echo*, 9/6/73, SP45/3238, Vol.14, No.52

⁸⁸ *Malay Mail*, 11/12/73, SP45/3240, Vol.16, No.52.

⁸⁹ *Straits Echo*, 18/12/73, SP45/3240, Vol.16, No.52.

⁹⁰ *Straits Echo*, 21/12/73, SP45/3240, Vol.16, No.52.

⁹¹ *The Star*, 1/2/74, SP45/3240, Vol.16, No.52.

mengetuai 13 pengawai tinggi kerajaan negara berkenaan untuk melihat pembangunan di negeri ini. Mereka amat terpikat dengan pembangunan di Pulau Pinang. Menurutnya :

*We are really impressed with your Government's development programmes and this is a situation which we have been dreaming to have in our country.*⁹²

Menteri Perdagangan Luar, Mr.Kye Ung Tae dari Korea Utara semasa mengunjungi LCE menyatakan keyakinan hubungan yang lebih erat antara Malaysia dengan negara tersebut. Beliau turut memuji Pulau Pinang adalah sebuah pulau yang cantik.⁹³

Oleh itu, jelas bahawa lima tahun yang pertama kedudukan LCE sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang. Beliau begitu sibuk menerima kunjungan wakil-wakil dari negara luar.

Di peringkat Asean pula, LCE nampaknya lebih menitikberatkan hubungan diplomatik dengan Indonesia berdasarkan lawatan LCE beberapa kali ke negara berkenaan. Pada tahun 1969, Menteri Perlombongan Indonesia , Prof.Sumandeh telah datang menyaksikan kilang peleburan di Pulau Pinang dan Butterworth. Ini kerana setiap tahun, terdapat 10000 tan timah diangkut dari Indonesia ke Pulau Pinang untuk tujuan itu.⁹⁴ Pada tahun 1972, LCE diiringi beberapa pengawai kerajaan seperti Tan Ghim Hua, Wong Choong Wah, Ismail Hashim membuat lawatan ke Indonesia bagi meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara tersebut. Antara tempat dikunjungi ialah Jakarta,

⁹² *Straits Echo*, 12/2/74, SP45/3240, Vol.16, No.52.

⁹³ *The Star*, 14/4/74, SP45/3241, Vol.17, No.52.

⁹⁴ *China Press*, 29/10/69, SP45/3227, Vol. 3, No.52.

Bandung, Jogjakarta, Bali dan Medan.⁹⁵ Selain itu, LCE menemui beberapa Menteri Indonesia untuk tujuan ini seperti Menteri Komunikasi Indonesia, Dr.Frans Seda membincangkan soal pelancongan dan komunikasi dan Menteri Perdagangan iaitu Dr.Sumitro Djojohadikasuma untuk membincangkan soal perdagangan.⁹⁶ Kejayaan lawatan LCE ke Indonesia disifatkan oleh *Straits Echo* sebagai “*Dr.Lim returns from 'fruitful' trip*”.⁹⁷ Sebagai balasan lawatan LCE ke Indonesia. Menteri Keselamatan dan Pertahanan Indonesia, Jeneral Maraden Penggabean mengunjung Pulau Pinang. Dalam lawatan ini, beliau menghadiahkan LCE satu set rokok manakala LCE pula menghadiahkannya satu set piuter kopi.⁹⁸ Pada April 1972, LCE sekali lagi melawat Sumanteria selama dua minggu. Antara kawasan dikunjungi ialah Aceh dan Bandung.⁹⁹ Ternyata, LCE memberikan sumbangan dari segi mengeratkan hubungan antara Indonesia dan Malaysia dan seterusnya meningkat kerjasama antara kedua-dua negara. Lebih-lebih lagi pihak Indonesia melalui dutanya di Malaysia sering menemui LCE untuk membincangkan soal memperbesarkan perkhidmatan feri antara Pulau Pinang dan Indonesia untuk tujuan yang sama.¹⁰⁰

Bagaimanapun, lawatan-lawatan LCE ke luar negeri pernah dikritik oleh parti pembangkang iaitu DAP pada tahun 1971. Bagi DAP, LCE selaku Ketua Menteri tidak harus sering membuat lawatan ke luar negeri kerana wang kerajaan ini seharusnya

⁹⁵ *Nanyang Siang Pao*, 17/3/72. *Straits Times*, 21/3/72, SP45/3234, Vol.10, No.52.

⁹⁶ *Straits Echo*, 22/3/72, SP45/3234, Vol.10, No.52.

⁹⁷ *Straits Echo*, 4/4/72, SP45/3237, Vol.13, No.52.

⁹⁸ *Straits Echo*, 6/4/72, SP45/3238, Vol.14, No.52.

⁹⁹ *Sing Pin Jit Poh*, 18/4/72, SP45/3238, Vol.14, No.52.

¹⁰⁰ *Nanyang Siang Pao*, 27/1/70, SP45/3238, Vo.14, No.52.

digunakan dengan sebaik mungkin.¹⁰¹ Bantahan ini menyebabkan LCE melaporkan jumlah perbelanjaan dan jumlah lawatan ke luar negeri pada 1972.¹⁰²

Melalui jalinan hubungan dengan negara luar yang diusahakan oleh LCE membolehkan Malaysia termasuk Pulau Pinang mendapat bantuan daripada negara-negara luar bagi mengatasi masalah kekurangan dalam negara ini. Pada tahun 1972, Duta Pakistan, Mr.S.Irtiza Husain melawat LCE dan memberi jaminan akan menghantar lebih ramai doktor ke Malaysia yang sedang menghadapi masalah kekurangan doktor. Kumpulan pertama tiba pada November 1971 dan diagihkan ke negeri-negeri tertentu. Kumpulan kedua tiba pada Julai 1972. Selain itu, Pakistan turut menawarkan tenaga pengajar di Universiti dan jurutera.¹⁰³

Begitu juga Duta Jerman di Malaysia, Dr.Wilfried Nolle semasa mengunjungi LCE menegaskan Pejabat Penasihat Jerman akan dibuka di China Street Ghaut. Tujuannya adalah memberikan perkhidmatan penasihat kepada Negeri-Negeri Utara Malaysia. Selain itu, kerajaan Jerman juga membekalkan tenaga pengajar dan peralatan untuk Institut Vokasional Latihan Industrial di Prai.¹⁰⁴ Lawatan Director Majlis British, Dr.Wiliam Brown ke Pulau Pinang juga menawarkan perkhidmatannya kepada LCE. Beliau berkata berminat untuk menggunakan pengalamannya bagi mengajar aspek muzik dan drama di peringkat sekolah dan Universiti.¹⁰⁵ Duta Korea, Dr.Sung Yong Kim menemui LCE untuk menyatakan keinginannya memberikan sumbangan buku kepada

¹⁰¹ *Nanyang Siang Pao*, 11/6/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

¹⁰² Dr.Lim kata sejak pegang jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang, beliau telah empat kali keluar negeri untuk bertugas dan membelanjakan \$ 28728.43 ringgit (termasuk perbelanjaan pengiring-pengirinya). *Nanyang Siang Pao*, 8/6/72, SP45/3235, Vol.11, No.52.

¹⁰³ *Straits Echo*, 11/6/72, SP45/3235, Vol.11, No.52.

¹⁰⁴ *The Star*, 1/8/72, SP45/3235, Vol.11, No.52.

¹⁰⁵ *The Star*, 5/9/72, SP45/3236, Vol.12, No.52.

Universiti Sains Malaysia (USM). Ia berjumlah 53 volume buku Korea.¹⁰⁶ Begitu juga Director Perkhidmatan Maklumat US, Mr.Haynes R.Mahoney berhasrat untuk memberikan perkhidmatannya di Pulau Pinang.¹⁰⁷

Malahan pelakon terkenal dari India, M.G.Ramacandran (M.G.R) pernah menyertai persempahan kebudayaan di Pulau Pinang untuk mengeratkan lagi hubungan antara Malaysia dan India. Persempahan ini juga bertujuan untuk mengutip derma bagi mengisi tabung biasiswa dan Tabung Muhibbah Negeri yang dilancarkan oleh LCE.¹⁰⁸

Pada 19 Februari 1970, Mahkota Raja Jepun Akhito dan Pemahsurinya, Michiko telah melawat Malaysia.¹⁰⁹ Dalam lawatan tersebut, baginda turut melawat Pulau Pinang dan merupakan orang kehormat pertama mengunjungi George Town. Sebagai tanda penghormatan kepada baginda, LCE selaku Ketua Menteri menghadiahkan Raja Akhito sebuah kunci emas George Town.¹¹⁰ Upacara penyampaian kunci emas ini diadakan dalam satu sambutan meriah di Esplanade. Baginda merupakan pembesar yang pertama dianugerahkan penghormatan ini selepas George Town dinaikan taraf bandaraya pada tahun 1957.¹¹¹

Selain itu, LCE juga melawat ke Australia pada bulan Oktober 1973 untuk mengadakan perbincangan mengenai soal menjadikan Adelaide dan George Town sebagai dua bandar adik-beradik.¹¹² Hasil kunjungan ini, Encik Richard S.Cohen, seorang ahli Majlis Bandaraya Adelaide turut melawat Pulau Pinang pada 31 Oktober 1973 untuk

¹⁰⁶ *The Star*, 8/12/72, SP45/3237, Vol.13, No.52.

¹⁰⁷ *Straits Echo*, 17/1/73, SP45/3237, Vol.13, No.52.

¹⁰⁸ *Kwong Wah Jih Poh*, 20/7/72, SP45/3235, Vol.11, No.52.

¹⁰⁹ Cara ini sama dengan Tengku yang menerima kunci emas London semasa beliau mengunjungi England Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1970*, Majlis Bandaraya George Town, Pulau Pinang, 1971, hlm.1.

¹¹⁰ *Sin Chew Jit Poh*, 21/2/70, SP45/3228, Vol.4, No.52.

¹¹¹ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1970*, hlm.1.

¹¹² *Kwong Wah Jih Poh*, 13/10/73, SP45/3239, Vol.15, No.52.

tujuan tersebut. Hasil usaha kedua-dua negara ini, tahun 1973 berakhir dengan satu kejadian yang bersejarah. George Town dan Adelaide (di Australia Selatan) menjadi dua buah bandar kembar pada 8 Disember 1973. Penyamaan kedua-dua bandaraya ini dengan rasminya mengikatkan dari segi sejarah George Town dan Adelaide kerana George Town dibuka oleh Kapten Francis Light dalam tahun 1786, manakala Adelaide dibuka oleh anak lelakinya Colonel William Light. Konsep penyamaan kedua-dua bandaraya ini telah mendapat kelulusan kedua-dua kerajaan Malaysia dan Australia. Pada khususnya, ianya dapat membawa faedah besar kepada Pulau Pinang dan Australia yang berupa pelancongan dua hala yang bertambah dan pertukaran dari segi kepakaran.¹¹³

Ini jelas menunjukkan hubungan diplomatik yang diusahakan oleh LCE selaku Ketua Menteri Pulau Pinang benar-benar membawa kejayaan besar kepada negeri ini, khususnya negeri ini sedang berada dalam proses pembangunan. Malahan apa yang lebih membanggakan adalah usaha-usaha LCE ini telah mendapat pengiktirafan dan perhatian dunia. Bagamanapun, penulis melihat LCE terlalu menonjolkan imej dan nama Pulau Pinang di mata dunia berbanding nama Malaysia kerana beliau lebih bersedia menjadi Ketua Menteri. Ini berdasarkan beliau beberapa kali menolak pelawaan untuk menjadi menteri dalam Kerajaan Pusat kerana beliau ingin dicatatkan di dalam sejarah sebagai peneroka zaman baru bagi Pulau Pinang.¹¹⁴

¹¹³ Upacara ini dijalankan oleh LCE selaku Pengawai yang mentadbir Majlis Bandaraya dan Donald Dustan, Q.C, M.P. Perdana Menteri Australia Selatan. Sempena upacara ini, Dustan dijadikan orang bebas Bandaraya George Town. Pembesar yang keempat dianugerahkan penghormatan ini selepas Putera Mahkota Akhito dari Jepun dan Tengku Abdul Rahman. Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1973*, hlm.2-3.

¹¹⁴ Desas-desus bahawa LCE menolak tawaran tersebut telah beberapa kali dibangkitkan. *Kwong Wah Jih Poh*, 26/4/70. *Sin Min Ryh Baw*, 19/2/72. *Kwong Wah Jih Poh*, 7/8/73. *The Sun*, 26/4/74. *Mingguan Malaysia*, 1/9/74.

Kejayaan Pilihanraya Umum 1974

Pilihanraya Umum 1974 merupakan satu ujian yang getir kepada LCE bagi menentukan sejauhmanakah sokongan masyarakat negeri Pulau Pinang kepada parti ini. Ini kerana parti ini telah banyak berlaku perubahan sejak krisis GERAKAN pada tahun 1971 serta kemasukan golongan reformis MCA pada Disember 1973.¹¹⁵ Apa yang lebih penting adalah GERAKAN di bawah pimpinan LCE menyertai pilihanraya kali ini dengan bernaung di bawah BN¹¹⁶ dan bukan lagi sebagai sebuah parti pembangkang seperti Pilihanraya Umum 1969. Oleh itu, sejauhmanakah perubahan imej Parti GERAKAN dapat diterima oleh masyarakat Pulau Pinang akan terjawab menerusi keputusan pilihanraya ini.

Dalam Pilihanraya Umum 1974 ini, GERAKAN pimpinan LCE telah mendapatkan peruntukan sebanyak lapan kerusi Parlimen iaitu tiga di Pulau Pinang, dua di Perak, satu di Selangor dan dua di Wilayah Persekutuan.¹¹⁷ Manakala bagi perebutan kerusi Dewan Negeri di Pulau Pinang pula, LCE telah bersama-sama 12 calon GERAKAN yang lain bertanding untuk merebut kerusi tersebut di bawah naungan BN.¹¹⁸

¹¹⁵ Golongan ini termasuk Lim Keng Yik, Paul Leong Khee Seong, Alex Lee, Dr.Tan Teong Hoong dan Soong Siew Hoong. *Malayan Thung Pao*, 15/12/73, SP45/3240, Vol.16, No.52. *Nanyang Siang Pao*, 7/3/74, SP45/3241, Vol.17, No.52.

¹¹⁶ Pada 1 Jun 1974, BN telah didaftarkan dengan rasminya bagi menghadapi Pilihanraya Umum 1974. *Cenderamata Ulangtahun Gerakan ke 25*, hlm.5. Lebih 50000 orang menghadiri rapat umum BN di Padang Negeri, Seremban bila diperkenalkan dengan simbol ‘ Neraca ’ bagi kali pertama oleh Perdana Menteri , Tun Abdul Razak. *Utusan Malaysia*, 5/8/74.

¹¹⁷ Peruntukan kerusi ini diumumkan oleh Tun Razak pada 28 Julai 1974. UMNO mendapat 61 kerusi, PAS 14 kerusi, MIC 4 kerusi, PPP 4 kerusi, MCA 23 kerusi, SUPP 24 kerusi dan Parti Pesaka Bumiputra Bersatu 16 kerusi menjadikan jumlah kerusi Parlimen ialah 154 kerusi. R.S.Milne dan D.K.Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm.249. “ Parliamentary Election ”, SP45, MF/POK/183.

¹¹⁸ Calon-calon GERAKAN lain ialah Harun bin Sirat, Ooh Chooi Cheng, Lim Heng Tee, Teoh Kooi Sneah, S.P.Chelliah, Choong Sim Poey, Khoo Gark Kim, Khoo Teng Chye, Khoo Kar Por, Wong Hoong Yin, Wong Choong Woh dan Tan Ghim Hwa. Manakala, UMNO menamakan sembilan calon, MCA tiga calon, PAS satu calon dan MIC satu calon. Malaysia, *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sarawak Tahun 1974*, Suruhanjaya Pilihanraya, Kuala Lumpur, 1975, hlm.84-90. Parti GERAKAN juga bertanding merebut kerusi Dewan Negeri di Perak, Selangor, Kedah. *Cenderamata Ulangtahun ke 25 Gerakan*, hlm.5.

Sememangnya LCE menaruh harapan yang tinggi kepada GERAKAN untuk sekali lagi mencipta kejayaan di Pulau Pinang. Selain itu, Tun Razak selaku Pengurus BN turut menaruh harapan yang tinggi kepada LCE supaya dapat memimpin GERAKAN mencapai kemenangan besar di Pulau Pinang apabila hanya meletakkan tiga calon MCA bagi perebutan kerusi Dewan Negeri di negeri tersebut.¹¹⁹ Ini menunjukkan bahawa Tun Razak lebih yakin kepada populariti LCE untuk membawa kejayaan kepada BN berbanding MCA di negeri ini.

Apabila menjelang hari penamaan calon pilihanraya yang diadakan pada 8 Ogos 1974,¹²⁰ LCE telah dinamakan untuk bertanding di kawasan Tanjong bagi perebutan kerusi Parlimen dan kawasan Padang Kota bagi perebutan kerusi Dewan Negeri.¹²¹

Dalam pilihanraya kali ini, LCE menghadapi saingan yang paling kuat daripada DAP. Parti ini telah meletakkan 22 calon untuk bertanding merebut kerusi Dewan Negeri. Ini menunjukkan DAP bercita-cita tinggi untuk merampas pucuk pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang daripada tangan LCE. Sesungguhnya DAP masih menaruh dendam kepada GERAKAN pimpinan LCE kerana tindakan beliau bekerjasama dengan Perikatan selepas Pilihanraya Umum 1969. Malahan DAP telah berulang kali mengkritik LCE kerana sanggup mengorbankan prinsip parti untuk mendapatkan kuasa, kedudukan dan

¹¹⁹ Cheah See Kian, *Perubahan dalam Aliran Pemikiran Politik Bangsa Cina di Malaysia*, hlm.258-259. Calon-calon MCA ialah Phee Hoo Teik, David Chong Ewe Leong dan Mah Cheok Tat. Malaysia, *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sarawak Tahun 1974*, hlm.84-89.

¹²⁰ Sopiah Suid dan Nor Zahidi Alias (ed), *Elections in Malaysia : Facts and Figures*, The New Straits Times Press, Kuala Lumpur, 1994, hlm.146.

¹²¹ Malaysia, *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sarawak Tahun 1974*, hlm.50.

kekayaan. Parti ini telah menonjolkan imej sebagai pejuang kepentingan orang Cina dari segi bahasa, pendidikan dan kebudayaan.¹²²

Sepanjang musim kempen pilihanraya, LCE telah menunjukkan kesungguhannya untuk berkempen bagi partinya dan kejayaan BN. Beliau telah menjalankan aktiviti-aktiviti berkempen dari rumah ke rumah serta menemui pertubuhan-pertubuhan dari setempat ke setempat. Selain itu, LCE sendiri juga berceramah satu hingga dua jam untuk menerangkan kejayaan yang dicapai oleh kerajaannya.¹²³ Semasa berkempen di Pulau Pinang, LCE menumpukan strategi pilihanrayanya ke atas pembangunan negeri khususnya dari segi ekonomi¹²⁴ dan kerjasama etnik. Selain itu, LCE juga menekankan janji Kerajaan Persekutuan pada masa hadapan serta kemerosotan ekonomi akan berlaku jika parti pembangkang mentadbir negeri berkenaan. Beliau menegaskan bahawa melalui usaha bersama pengindustrian, Pulau Pinang akan berubah daripada satu peringkat yang tidak bermaya kepada satu tahap pertumbuhan yang pesat.¹²⁵ Sememangnya kedudukan LCE sebagai salah seorang pemimpin parti yang mendokong BN telah menjadi punca utama beliau memberikan penekanan kepada isu pembangunan ekonomi dan perpaduan negara sebagai usaha memancingkan undi kerana ini adalah selaras dengan manifesto BN.¹²⁶

¹²² Selain itu, Pekemas pula menamakan 24 calon. Parti ini mengencam Kerajaan Negeri gagal membendung inflasi, kemiskinan dan pengangguran. Parti Sosialis Rakyat Malaysia menamakan 20 calon. *Ibid.*, hlm.84-90. D.K.Mauzy, *Barisan Nasional*, hlm.89-90.

¹²³ *Utusan Malaysia*, 23/8/74.

¹²⁴ Kerajaan Pulau Pinang misalnya telah memperkenalkan industri-industri yang berupa pengganti import atau industri untuk pengeluaran dalam negeri dan kawasan perdagangan bebas untuk industri yang berorientasikan eksport. *Utusan Malaysia*, 2/8/74.

¹²⁵ *Cenderamata Ulangtahun ke 25 Gerakan*, hlm.5.

¹²⁶ Manifesto BN ialah mengekalkan keamanan dan keselamatan negara, memperkuatkan ketabilan sosial dan politik negara, melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, melahirkan masyarakat yang adil, meningkatkan kedudukan negara di mata dunia. *Utusan Malaysia*, 8/8/74.

Dalam pada itu, LCE seringkali memberikan penjelasan bahawa kemakmuran yang **dinikmati** oleh Pulau Pinang adalah hasil langkah beliau mengadakan kerajaan **ampuran**.¹²⁷ Oleh itu, beliau menyeru masyarakat Pulau Pinang supaya memberikan sokongan padu kepada BN pimpinan Tun Razak¹²⁸ dan menyifatkan pihak yang **nentang** BN adalah mereka yang tidak mempunyai prinsip hidup dan hanya **nemengangkan** diri sendiri tanpa mempedulikan kepentingan rakyat dan negara.¹²⁹ Selain tu, LCE turut mendapat sokongan daripada Tun Razak yang menyeru masyarakat Pulau Pinang **memberikan** undi mereka kepada beliau supaya mempunyai wakil kaum Cina **dalam kerajaan**. Menurut Tun Razak :

...Kita dapat menu buhkan sebuah kerajaan yang hanya diperintah oleh orang Melayu tetapi kita tidak mahu ini... kita mahu orang-orang Cina berada dalam kerajaan.¹³⁰

Selain mendapat sokongan Tun Razak, LCE juga disokong oleh Pengarah **Kempen BN** bagi Seberang Perai iaitu Mohamed Sopiee yang meminta rakyat negeri ini **memberi** peluang kepada LCE terus mentadbir Pulau Pinang supaya beliau dapat **membawa** kemakmuran kepada negeri ini. Ini kerana LCE mendapat kepercayaan **daripada** Perdana Menteri, Tun Razak hasil daripada kerjasama Kerajaan Pusat dan **Negeri untuk** pembangunan ekonomi dan sosial untuk rakyat.¹³¹

¹²⁷ “ **Ucapan Dr.Lim Chong Eu di Mesyuarat Perhimpunan Perwakilan GERAKAN di Dewan Perhimpunan Pulau Pinang pada 9 Mei 1974 ,” dalam Lim Choon Choo (ed), *Koleksi Teks Ucapan Dr.Lim Chong Eu : Ke Era Baru*, hlm.28.**

¹²⁸ *Utusan Malaysia*, 20/8/74.

¹²⁹ *Utusan Malaysia*, 23/8/74.

¹³⁰ *Utusan Malaysia*, 5/8/74, 8/8/74.



Gambar 4.2 Kemenangan GERAKAN dalam pilihanraya 1974 disambut gembira oleh LCE dan penyokong-penyokongnya.

³¹ *Utusan Malaysia*, 22/8/74.

Dalam pilihanraya ini, LCE menunjukkan sikap yang penuh keyakinan bahawa calon BN akan mencapai kemenangan yang besar di Pulau Pinang. Keyakinan beliau kepada dirinya sendiri dan rakyat Pulau Pinang akan mengembalikan kekuasaan kepadanya untuk terus memimpin negeri ini kerana berdasarkan kemampuan-kemampuan yang ditunjukkan oleh kerajaan campuran yang dipimpin olehnya sejak lima tahun dulu dalam mengatasi masalah kemelesetan ekonomi di negeri tersebut.¹³² Ini susulan beliau merasakan ia telah membuat sesuatu yang lebih baik daripada apa yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri sebelumnya. Beliau sedar orang-orang Pulau Pinang adalah bersifat praktikal dan mereka tidak dapat menolak kenyataan bahawa Pulau Pinang sedang menghadapi kepesatan pembangunan yang hebat dalam bidang pelancongan, perusahaan dan perniagaan.¹³³

Apabila Pilihanraya Umum 1974 diadakan pada 24 Ogos 1974,¹³⁴ GERAKAN pimpinan LCE telah memenangi tiga kerusi Parlimen dan sebelas kerusi Dewan Negeri di Pulau Pinang.¹³⁵ Ini termasuk LCE sendiri yang memenangi kerusi Parlimen di kawasan Tanjong dengan mengalahkan tiga pencabar lain iaitu Yeap Ghim Guan (DAP), Tan Phock Kin (Pekemas) dan Lee Kok Liang (PSRM). Manakala bagi perebutan kerusi Dewan Negeri di kawasan Padang Kota, beliau mengalahkan Khoo Soo Giap (DAP),

¹³² *Utusan Malaysia*, 19/8/74.

¹³³ *Mingguan Malaysia*, 1/9/74.

¹³⁴ Sopiah Suid dan Nor Zahidi Alias (ed), *Election in Malaysia : Facts and Figures*, hlm.146. Pencapaian GERAKAN dalam Pilihanraya Umum 1974 di Pulau Pinang boleh dilihat dalam lampiran 3.

¹³⁵ BN memenangi kesemua sembilan kerusi Parlimen di Pulau Pinang. Manakala bagi kerusi Dewan Negeri, UMNO mendapat sembilan kerusi, PAS satu kerusi, MCA satu kerusi, MIC satu kerusi menjadikan BN mendapat 23 kerusi. DAP dan Pekemas masing-masing mendapat dua dan satu kerusi. *Mingguan Malaysia*, 1/9/74. Calon-calon GERAKAN yang menang kerusi Parlimen ini ialah Goh Cheng Teik, B.Rajasingam dan LCE. Manakala, bagi kerusi Dewan Negeri ialah Harun bin Sirat, Lim Heng Tee, Chelliah, Choong Sim Poey, Khoo Gark Kin, Khoo Teng Chye, LCE, Khoo Kar Por, Wong Hoong Yin, Wong Choong Woh dan Tan Ghim Hwa. Malaysia, *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sarawak Tahun 1974*, hlm.84-90. Selain itu, BN mengekalkan pentadbiran Kerajaan Pusat dan semua kerajaan negeri di Semenanjung Malaysia setelah mendapat 120 kerusi Parlimen dan 283 kerusi Dewan Undangan Negeri. *Utusan Malaysia*, 26/8/74.

Phock Kin (Pekemas) dan Lee Kok Liang (PSRM).¹³⁶ Beliau menyifatkan iaan GERAKAN di Pulau Pinang adalah kemenangan rakyat negeri itu.¹³⁷ Selain sejayaan LCE dan BN di Pulau Pinang juga disebabkan masyarakat negeri itu ambut baik seruan Tun Razak yang berharapkan adanya wakil-wakil Cina dalam iaan pimpinannya.¹³⁸

Sungguhpun dalam pilihanraya ini, LCE dapat mengulangi kejayaan berganda diciptanya sejak Pilihanraya Umum 1964, tetapi beliau mengalami kemerosotan segi pungutan undi. Bagi kerusi Parlimen, LCE telah menghadapi saingan sengit ada calon DAP iaitu Yeap Ghim Guan¹³⁹ menyebabkan beliau hanya menang an undi majoriti sebanyak 1440 undi. Bagi perebutan kerusi Dewan Negeri pula, juga berdepan dengan saingan kuat seorang lagi calon DAP iaitu Khoo Soo Giap, u hanya menang dengan undi majoriti 2240 undi. Jumlah undi yang diperolehi oleh dalam pilihanraya ini sememangnya merosot berbanding dengan yang diperolehinya n Pilihanraya Umum 1969.¹⁴⁰

Kemerosotan ini sebenarnya berpunca daripada tanggapan segelintir masyarakat di Pulau Pinang bahawa LCE telah mengecewakan mereka. Kekecewaan mereka nlah dari segi pembangunan dan kemajuan tetapi di dalam soal-soal perasaan. ngan ini masih menganggap LCE sebagai chauvinis seperti di dalam MCA dan ', namun di dalam kenyataan beliau sudah jauh bertukar. Beliau menjadi pejuang

eah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.203-205.

usan Malaysia, 26/8/74.

usan Malaysia, 27/8/74.

Yeap Ghim Guan merupakan Ketua Pembangkang DAP dalam Dewan Undangan Negeri di Pulau g. Beliau sering mengkritik pentadbiran LCE. *Straits Times*, 17/6/72, SP45/3235, Vol.11, NO.52. kawasan Tanjung, LCE mendapat 15409 undi, Yeap Ghim Guan mendapat 13969 undi. Di kawasan ng Kota, beliau mendapat 5543 undi dan Khoo Soo Giap memperolehi 3303 undi. Pada Pilihanraya n 1969, LCE menang dengan undi majoriti 15160 undi dan 4865 undi di kedua-dua kawasan ini.

Rukunegara dan penerimaan konsep Bahasa Malaysia sebagai bahasa perpaduan dan di samping itu mempercayai bahawa Dasar Ekonomi Baru¹⁴¹ adalah jalan penyelesaian kepada masalah-masalah perkauman di Malaysia. Golongan tertentu itu masih mengharapkan beliau hanya menjadi pejuang orang-orang Cina dan masalah-masalah orang Cina sahaja tetapi LCE sejak 13 Mei 1969 telah cuba memberi gambaran kepada masyarakat Pulau Pinang bahawa beliau telah bertukar walaupun beliau secara langsungnya tidak memberitahunya.¹⁴² Menurut LCE :

*There was not place in Malaysian politics of today for polarization, particularly on racial issues or communal ground.*¹⁴³

Kesempatan inilah telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh DAP yang berusaha menonjolkan imej sebagai pejuang orang-orang Cina yang tunggal. Walau bagaimanapun, kedudukan politik LCE di Pulau Pinang masih dapat dipertahankan kerana pada umumnya sebahagian besar orang-orang Cina di Pulau Pinang yang terdiri dari suku Hokkien adalah bersifat moderate. Mereka boleh menerima BN dan GERAKAN tetapi mereka tidak dapat menerima DAP. Apabila LCE menjadi semakin moderate, mereka tidak menolak LCE sebaliknya memberikan sokongan yang semakin kuat kerana beliau ternyata telah memberikan faedah kepada mereka.¹⁴⁴

Walaupun tindakan LCE membawa masuk GERAKAN ke dalam naungan BN tidak menjaskan usaha beliau mengekalkan pemerintahannya di Pulau Pinang dan

Malaysia, *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sarawak Tahun 1974*, hlm.84-90.

¹⁴¹ *Nanyang Siang Pao*, 3/1/74. *China Press*, 3/1/74.

¹⁴² *Mingguan Malaysia*, 1/9/74.

¹⁴³ *Straits Echo*, 3/1/74.

¹⁴⁴ *Mingguan Malaysia*, 1/9/74.

kedudukannya sebagai Ketua Menteri, namun berbanding prestasi GERAKAN pada Pilihanraya Umum 1969, ternyata jumlah kerusi Parlimen dan kerusi Dewan Negeri yang dimenanginya telah merosot. Pada pilihanraya 1969, GERAKAN menang lima kerusi Parlimen di Pulau Pinang berbanding tiga kerusi pada pilihanraya 1974. Manakala jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dimenangi GERAKAN pada tahun 1969 ialah 16 kerusi berbanding cuma 11 kerusi pada tahun 1974. Tindakan LCE ini adalah merugikan GERAKAN kerana parti ini kini terpaksa akur kepada perintah dan telunjuk BN apabila GERAKAN pimpinannya hanya dibenarkan menamakan tiga calon untuk merebut kerusi Parlimen di Pulau Pinang pada tahun 1974 berbanding lima calon pada tahun 1969. Manakala bagi perebutan kerusi Dewan Undangan Negeri pula, GERAKAN pimpinan LCE hanya bertanding untuk 13 kerusi berbanding 19 kerusi pada pilihanraya 1969. Oleh itu, jelas bahawa GERAKAN di bawah pimpinan LCE tidak lagi mempunyai kata pemutus dalam hal ehwal menyertai pilihanraya dan kedudukannya ditentukan oleh BN.

Maka, boleh dikatakan, LCE dalam masa lima tahun memimpin Pulau Pinang telah mengasaskan dan membawa perubahan politik dalam negeri. Tindakan dan perubahan politik itu termasuk sistem pentadbiran, pembentukan kerajaan campuran dan hubungan dasar luar negeri. Segala penat lelahnya dalam melaksanakan tugas Ketua Menteri telah terbalas akhirnya selepas LCE dan GERAKAN dapat mempertahankan pucuk pimpinan di Pulau Pinang melalui kemenangan dalam Pilihanraya Umum 1974 walaupun bernaung di bawah BN.